

Interaksi Alam dengan Manusia menurut Persektif Ekokritik dalam Puisi Perang Ka'ab bin Malik

BITARA

Volume 8, Issue 3, 2025: 300-314
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 15 May 2025
Accepted: 25 May 2025
Published: 30 June 2025

[The Interaction between Nature and Humans from the Perspective of Ecocriticism in the War Poetry of Ka'ab bin Malik]

Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal¹, Nursafira Lubis Safian² & Aida Hayati Mohd Sanadi³

- 1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: nuruliman@ukm.edu.my
- 2 Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan AbdulHamid AbuSulayman Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 53100 Jalan Gombak, Kuala Lumpur, MALAYSIA. E-mail: nursafira@iium.edu.my
- 3 Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. MALAYSIA. E-mail: aida.hayati@usim.edu.my

*Corresponding Author: nursafira@iium.edu.my

Abstrak

Kajian ini meneliti interaksi alam dengan manusia dari perspektif ekokritik dalam puisi perang Ka'ab bin Malik dengan menumpukan perhatian terhadap hubungan dinamik antara manusia, alam semula jadi, dan jihad Islam. Dengan mengaplikasikan pendekatan ekokritik yang diasaskan oleh Cheryll Glotfelty dan Lawrence Buell serta analisis semiotik. Kajian ini berusaha untuk memahami bagaimana unsur-unsur alam seperti laut, gunung, telaga dan padang pasir yang berfungsi sebagai latar geografi dan simbol perjuangan, ketahanan, dan spiritualiti dalam naratif peperangan. Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan analisis kandungan terhadap teks puisi Ka'ab bin Malik serta kajian kepustakaan untuk memahami peranan elemen alam dalam sastera perang Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa unsur alam berfungsi sebagai latar peristiwa dan memainkan peranan strategik dalam menggambarkan cabaran fizikal serta kekuatan psikologi para pejuang Islam. Unsur-unsur ini juga berfungsi sebagai metafora ketabahan dan kemenangan dalam perjuangan. Selain itu, kajian ini membincangkan implikasi ekologi terhadap peperangan, dengan memperlihatkan bagaimana alam bukan sekadar latar pasif tetapi juga saksi dan elemen aktif dalam perjuangan Islam. Hasil kajian mendapati puisi perang Ka'ab bin Malik mengandungi catatan sejarah dan dokumentasi ekologi yang menghubungkan pengalaman dalam peperangan terhadap persekitaran alam semula jadi. Kajian ini menyumbang kepada bidang sastera Islam dan ekokritik dengan mengetengahkan hubungan erat antara naratif peperangan, keimanan, dan ekologi alam semulajadi dalam sastera Arab klasik.

Kata kunci: Ekokritik, Ka'ab Bin Malik, Puisi Perang, Simbolisme Alam, Jihad Islam, Interaksi Manusia-Alam

Abstract

This study examines the interaction between nature and humans from an ecocritical perspective in the war poetry of Ka'ab bin Malik, focusing on the dynamic relationship between humans, nature, and Islamic jihad. By applying the ecocritical approach established by Cheryll Glotfelty and Lawrence Buell, along with semiotic analysis, this study seeks to understand how natural elements such as the sea, mountains, wells, and deserts function as geographical backdrops and symbols of struggle, resilience, and spirituality in war narratives. Methodologically, the study employs content analysis of Ka'ab bin Malik's poetry and a literature review to explore the role of natural elements in Islamic

war literature. The findings reveal that natural elements serve as the setting of events and play a strategic role in illustrating both the physical challenges and psychological strength of Islamic warriors. These elements also function as metaphors for perseverance and victory in battle. Additionally, this study discusses the ecological implications of war, highlighting how nature is not merely a passive backdrop but also an active witness and component in the Islamic struggle. The study concludes that Ka'ab bin Malik's war poetry contains historical records and ecological documentation that connect war experiences to the natural environment. This research contributes to the field of Islamic literature and ecocriticism by emphasizing the close relationship between war narratives, faith, and the natural ecology in classical Arabic literature.

Key words: Ecocriticism, Ka'ab bin Malik, War Poetry, Nature Symbolism, Islamic Jihad, Human-nature Interaction



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal, Nursafira Lubis Safian & Aida Hayati Mohd Sanadi. (2025). Interaksi alam dengan manusia menurut perspektif ekokritik dalam puisi perang Ka'ab bin Malik [*The interaction between nature ad humans form the perspective of ecocriticism in the war poetry of Ka'ab bin Malik*]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(2): 300-314.

Pengenalan

Pendekatan ekokritik dalam sastra adalah untuk mengkaji hubungan antara teks dan persekitaran alam serta bagaimana alam digambarkan dalam karya sastra (Glotfelty, 1996; Garrard, 2012). Kajian ini berfokus kepada peranan unsur-unsur alam dalam membentuk makna, simbolisme, dan mesej sastra, terutamanya dalam konteks interaksi antara manusia dan alam persekitarannya. Dalam bidang kesusasteraan moden, pendekatan ini semakin berkembang pesat, namun penggunaannya dalam sastra Arab klasik masih terhad (Zulfa, 2021). Kajian terhadap puisi perang, khususnya karya penyair sahabat Rasulullah SAW, Ka'ab bin Malik, membuka perspektif baharu dalam memahami peranan unsur ekologi sebagai elemen penting dalam menggambarkan perjuangan, ketahanan, dan realiti sejarah peperangan Islam. Ka'ab bin Malik merupakan seorang daripada penyair terkenal dalam sejarah Islam yang memainkan peranan penting dalam jihad lisan pada zaman Rasulullah SAW. Beliau dikenali sebagai penyair yang mengangkat semangat perjuangan melalui puisi-puisinya, yang tidak hanya bersifat dokumentari tetapi juga sarat dengan simbolisme. Puisi beliau banyak menggambarkan suasana medan perang, cabaran fizikal yang dihadapi oleh para mujahidin, serta unsur-unsur alam yang menjadi sebahagian daripada naratif perjuangan Islam.

Menurut kajian ekokritik, alam sering menjadi cerminan kepada emosi, perjuangan, dan ketahanan manusia dalam karya sastra. Hal ini dapat dilihat dalam puisi Ka'ab bin Malik yang menjadikan unsur-unsur alam sebagai metafora kepada ketabahan dan strategi peperangan umat Islam. Sebagai contoh, angin ribut yang menerpa padang pasir boleh diinterpretasikan sebagai lambang cabaran dalam jihad, manakala pancaran matahari yang terik mencerminkan keperitan yang harus ditempuh demi mencapai kemenangan. Pendekatan ini selari dengan konsep yang

dikemukakan oleh Buell (2005), yang menegaskan bahawa ekokritik bukan sekadar menilai gambaran alam dalam sastera, tetapi juga mengkaji peranannya sebagai alat untuk menyampaikan idea, sejarah, dan emosi manusia. Kajian sebelum ini banyak menumpukan perhatian kepada ekokritik dalam sastera moden, seperti yang diperlihatkan dalam *An Ecocritical Reading of Selected Poems of Muhammad Haji Salleh* oleh Ahmed dan Hashim (2021). Kajian tersebut menganalisis bagaimana Muhammad Haji Salleh memanfaatkan unsur alam bukan sahaja sebagai latar, tetapi juga sebagai cerminan hubungan manusia dengan persekitarannya. Unsur-unsur seperti hutan, hujan, dan sungai dalam puisinya menggambarkan keindahan alam dan berfungsi sebagai simbol kepada perubahan sosial, emosi manusia, dan ketidakseimbangan ekologi. Kajian ini menunjukkan puisi merupakan sebuah bentuk dokumentasi ekologi yang mencerminkan realiti kehidupan dan hubungan manusia dengan alam.

Walaupun kajian terhadap ekokritik dalam kesusasteraan Melayu telah berkembang, kajian terhadap peranan unsur alam dalam sastera Arab klasik, masih belum mendapat perhatian yang sewajarnya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka cara Ka'ab bin Malik mengintegrasikan unsur alam dalam puisi perang beliau untuk menggambarkan peristiwa sejarah dan mengukuhkan naratif mengenai jihad dan ketahanan umat Islam. Kajian ini akan memfokuskan kepada elemen seperti laut, gunung, telaga dan padang pasir dalam puisinya yang berfungsi sebagai simbol perjuangan dan keteguhan jiwa para mujahidin. Dengan menerapkan pendekatan ekokritik, kajian ini akan meneliti interaksi antara manusia dan alam dalam karya Ka'ab bin Malik, yang mencerminkan realiti peperangan pada zaman Rasulullah SAW serta memberi pemahaman yang lebih mendalam mengenai persepsi ruang dan ekologi dalam sastera Islam. Hal ini membuka ruang perbincangan yang lebih luas tentang bagaimana sastera Arab klasik boleh dianalisis melalui perspektif ekologi, sekali gus mengukuhkan ekokritik sebagai pendekatan penting dalam memahami hubungan antara sastera, sejarah dan alam sekitar.

Metodologi

Pendekatan Analisis

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang mengintegrasikan analisis kandungan, ekokritik, dan semiotik untuk mengkaji dimensi ekologi serta simbolisme alam dalam puisi perang Ka'ab bin Malik. Mengikut pandangan Bogdan dan Biklen (1992), kajian kualitatif bertujuan untuk menggambarkan fenomena sosial dan menggali makna dalam teks, sementara Sugiyono (2014) menekankan ciri-ciri naturalistik pendekatan ini, yang membolehkan penyelidik melakukan analisis mendalam terhadap data. Oleh itu, kajian ini berfokus pada peranan unsur alam dalam puisi Ka'ab bin Malik, bukan sekadar sebagai latar peperangan tetapi juga sebagai metafora bagi perjuangan, ketahanan, dan hubungan manusia dengan alam semula jadi. Pendekatan yang digunakan berlandaskan teori ekokritik yang dibangunkan oleh Cheryll Glotfelty dan Lawrence Buell, yang menekankan hubungan dinamik antara manusia dan alam dalam teks sastera. Sebagai tambahan, model ekokritik yang dicadangkan oleh Garrard (2012) turut diterapkan untuk memahami bagaimana puisi Ka'ab bin Malik merekodkan persekitaran geografi dan interaksi manusia dengan alam dalam konteks jihad, dengan penekanan terhadap

peranan alam sebagai elemen yang membentuk naratif perjuangan umat Islam.

Kajian ini turut mengaplikasikan pendekatan semiotik untuk mentafsirkan simbolisme yang terkandung dalam unsur-unsur alam dalam puisi tersebut, seperti laut, gunung, telaga, dan padang pasir yang merepresentasikan rintangan dalam peperangan, keteguhan iman, kebergantungan kepada sumber semula jadi, serta peranan alam sebagai saksi dan elemen aktif dalam perjuangan Islam. Pendekatan ekokritik dan semiotik ini saling melengkapi, memperkuat pemahaman tentang peranan elemen alam sebagai agen pembentuk nilai dan emosi dalam teks sastra, serta memperlihatkan kaitan erat antara sastra, alam sekitar, dan konteks sejarah yang lebih luas. Kajian ini menggunakan puisi Ka'ab bin Malik sebagai sumber utama, khususnya syair yang menggambarkan peperangan, ruang geografi, dan hubungan manusia dengan alam. Data dikumpulkan melalui teknik baca dan catat, dengan penyelidikan mengenal pasti dan meneliti puisi yang mengandungi elemen ekologi serta simbolisme alam dalam konteks jihad Islam. Selain itu, kajian kepustakaan turut dilakukan bagi menganalisis teks akademik berkaitan ekokritik dan sastra perang untuk memperkuat tafsiran terhadap puisi yang dikaji.

Sumber dan Data

Dalam kajian ini, teknik analisis data diambil daripada model Miles, Huberman dan Saldana (2014) yang merangkumi empat langkah utama. Langkah pertama adalah pengkategorian data, dengan frasa dan rangkap puisi yang berkaitan dengan unsur alam dikenal pasti. Langkah kedua adalah reduksi data, yang melibatkan pemilihan bahagian puisi yang paling relevan untuk dianalisis berdasarkan objektif kajian. Pada langkah ketiga, iaitu penyajian data, analisis disusun secara deskriptif bagi memahami peranan unsur alam sebagai elemen strategik dan simbol perjuangan dalam puisi. Akhirnya, kesimpulan dirumuskan dengan menafsir peranan alam dalam membentuk naratif jihad serta pengalaman peperangan dalam puisi Ka'ab bin Malik. Sumber utama kajian ini ialah *Diwan Ka'ab bin Malik al-Ansari: Dirasah wa Tahqiq* edisi kedua terbitan 'Alam al-Kutub, Beirut, keluaran tahun 1997. Pengarang *Diwan* ini ialah Sami Maki al-Ani dan beliau yang mengumpulkan koleksi syair Ka'ab bin Malik. Pemilihan puisi dilakukan berdasarkan tiga kriteria utama:

1. Puisi yang mengandungi gambaran geografi yang jelas: Terutama berkaitan dengan medan perang besar seperti Perang Badar, Perang Uhud dan Perang Khandaq, dan lokasi-lokasi ini memainkan peranan penting dalam membentuk naratif perjuangan.
2. Analisis terhadap elemen-elemen alam: Analisis terhadap elemen-elemen alam dalam puisi Ka'ab bin Malik boleh dilakukan melalui pendekatan ekokritik, yang meneliti hubungan antara manusia dan alam dalam konteks sejarah dan budaya. Fokus diberikan kepada empat unsur utama, iaitu laut, gunung, telaga dan padang pasir.
3. Penggunaan elemen ekologi dalam konteks peperangan: Kajian ini meneliti bagaimana ruang semula jadi dalam puisi Ka'ab bin Malik mencerminkan keadaan emosi, perjuangan, dan cabaran dalam kehidupan manusia.

Tinjauan Ringkas mengenai Ka'ab bin Malik

Ka'ab bin Malik bin Abi Ka'b al-Ansari al-Salami (al-Jumahi, 1952) merupakan seorang daripada penyair terkemuka dalam sejarah awal Islam yang bukan sahaja mendokumentasikan peristiwa-peristiwa besar melalui puisinya tetapi juga merakamkan elemen-elemen geografi yang membentuk medan perang dan perjalanan jihad umat Islam. Sebagai sahabat Rasulullah SAW, beliau menjadi saksi kepada cabaran persekitaran yang dihadapi oleh para mujahidin, termasuk ketandusan padang pasir, kekuatan angin ribut, serta kegersangan medan perang (Ibn al-Athir, t.th.). Unsur-unsur ini diterjemahkan ke dalam puisinya yang menggambarkan keberanian, keteguhan iman serta peranan penting ruang geografi dalam perjuangan Islam. Selain menjadi penyair rasmi dalam perjuangan Islam, Ka'ab turut menyertai hampir semua peperangan bersama Rasulullah SAW, kecuali Perang Tabuk. Dalam setiap pertempuran, beliau bukan sahaja berjuang dengan senjata tetapi juga dengan kata-kata yang berfungsi untuk membangkitkan semangat para pejuang Islam serta melemahkan moral musuh (al-Jarim, t.th.).

Dalam tradisi kesusasteraan Arab, puisi memainkan peranan penting sejak zaman pra-Islam sebagai medium utama dalam merakam keberanian para pahlawan, menyampaikan nilai sosial, serta mengabadikan peristiwa-peristiwa bersejarah. Penyair dihormati kerana keupayaan mereka menggugah emosi dan menyentuh hati pendengar melalui keindahan bahasa dan retorik (al-Jumahi, 1952). Dengan kedatangan Islam, puisi mengalami perubahan fungsi daripada sekadar alat hiburan kepada alat dakwah yang memuji Nabi Muhammad dan para sahabatnya serta memperjuangkan prinsip keadilan dan kebenaran (Ibn Hisham, 1990). Pada zaman ini, puisi bukan sahaja menjadi ekspresi seni tetapi juga memainkan peranan sebagai alat penyebaran Islam dan dorongan kepada umat untuk berjihad, sama ada melalui peperangan mahupun melalui kata-kata.

Ka'ab bin Malik mengangkat dimensi ini dengan mengaitkan elemen ekologi dalam puisinya. Padang pasir dalam karyanya menjadi simbol cabaran dan ujian keimanan, manakala gunung dan bukit melambangkan ketahanan serta strategi peperangan. Ruang geografi seperti lembah dan kawasan tinggi juga dijadikan tempat perlindungan dan sebagai kawasan strategik dalam peperangan umat Islam. Fenomena ini selari dengan pendekatan ekokritik yang mengkaji interaksi antara persekitaran fizikal dan pengalaman manusia serta peranannya dalam membentuk makna dalam sastera (Glottfelty, 1996; Garrard, 2012).

Ka'ab bin Malik dikenali sebagai penyair yang disegani dalam kalangan masyarakat Arab, khususnya dalam lingkungan sahabat Rasulullah SAW. Kemampuannya dalam mengekspresikan semangat juang melalui syair menjadikan beliau sebagai suara utama dalam perjuangan Islam (al-Jarim, t.th.). Puisinya bukan sahaja berfungsi sebagai medium dakwah tetapi juga sebagai dokumen sejarah yang menggambarkan cabaran, kemenangan, dan pengalaman umat Islam di medan perang. Unsur-unsur alam dalam puisinya seperti angin yang membawa debu perang, panas matahari yang membakar tubuh para pejuang, dan langit luas yang menjadi saksi kepada pertempuran berfungsi sebagai metafora kepada cabaran fizikal dan spiritual yang dihadapi oleh umat Islam. Dalam banyak karyanya, alam tidak hanya digambarkan sebagai rintangan, tetapi juga sebagai sumber inspirasi dan ketahanan. Padang pasir yang luas melambangkan perjalanan panjang perjuangan, bukit yang tinggi mewakili matlamat jihad, manakala hujan yang turun selepas kemarau perang menggambarkan kemenangan serta rahmat Ilahi.

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, Ka'ab bin Malik terus dikenali sebagai seorang

sahabat yang teguh dalam keimanan dan ketakwaan. Pada penghujung hayatnya, beliau mengalami kehilangan penglihatan semasa pemerintahan Mu'awiyah bin Abi Sufyan dan akhirnya meninggal dunia pada tahun 50H/670M pada usia sekitar 74 tahun (al-Ani, 1997). Walaupun diuji dengan kesukaran fizikal, puisinya kekal sebagai rekod sejarah yang mengabadikan perjuangan umat Islam dan menggambarkan peranan alam dan geografi dalam membentuk pengalaman jihad. Melalui perspektif ekokritik, karya Ka'ab bin Malik dapat dilihat bukan sekadar sebagai syair peperangan tetapi juga sebagai dokumentasi persekitaran dan ekologi yang mempengaruhi strategi, daya tahan, dan semangat juang umat Islam.

Simbolisme Alam dalam Puisi Perang Ka'ab bin Malik dari Perspektif Ekokritik

Ekokritik (*ecocriticism*) ialah satu pendekatan dalam kajian sastera yang meneliti hubungan antara teks sastera dan alam sekitar. Sebagai satu disiplin yang berkembang sejak akhir abad ke-20M, ekokritik bukan sekadar meneliti kehadiran unsur alam dalam sastera, tetapi juga bagaimana unsur tersebut digunakan sebagai metafora, simbol perjuangan manusia, atau elemen dokumentasi sejarah (Ali et al., 2024). Kajian ini turut meneliti bagaimana sastera dapat meningkatkan kesedaran tentang hubungan antara manusia dan alam, serta mencerminkan nilai-nilai budaya dalam sesuatu masyarakat (Khomisah, 2020). Menurut Garrard (2012), ekokritik boleh dikategorikan kepada beberapa aspek, termasuk gambaran sastera terhadap pemukiman, hutan, haiwan, dan bencana alam (Islamiah & Saryono, 2023). Pendekatan ini juga melihat bagaimana persekitaran berfungsi lebih daripada sekadar latar cerita, tetapi sebagai elemen aktif yang mempengaruhi pengalaman manusia dalam teks sastera.

Dalam konteks sastera Islam, unsur alam sering digunakan sebagai metafora untuk kehidupan, perjuangan, dan keimanan. Al-Quran sendiri mengandungi banyak gambaran alam yang berfungsi sebagai tanda kebesaran Allah SWT, peringatan kepada manusia, serta gambaran syurga dan neraka. Firman Allah SWT dalam surah al-Ghashiyah (88: 17-20) menyatakan: “Tidakkah mereka melihat unta, bagaimana ia diciptakan? Dan langit, bagaimana ia ditinggikan? Dan gunung-gunung, bagaimana ia ditegakkan? Dan bumi, bagaimana ia dihamparkan?”.

Ayat ini menunjukkan bagaimana alam bukan sekadar elemen fizikal, tetapi juga mengandungi makna simbolik dan kerohanian dalam ajaran Islam. Dalam sastera Arab klasik, terutamanya puisi pra-Islam, unsur alam digunakan untuk menggambarkan kehidupan pengembaraan suku Badwi. Penyair seperti Imru al-Qais sering memanfaatkan elemen padang pasir dan unta untuk menceritakan kisah cinta, perpisahan, atau kehebatan seorang pahlawan (Fatoni & Umar, 2024). Apabila Islam berkembang, sastera mula membawa perspektif baharu terhadap alam. Puisi perang Islam (*shi'r al-harb*) mula menggunakan unsur alam sebagai gambaran ketahanan, jihad, dan ujian keimanan. Unsur alam seperti padang pasir yang luas, panas terik matahari, dan kehausan dalam perjalanan perang sering kali dijadikan sebagai simbol cabaran yang harus ditempuhi oleh tentera Islam (Elsayed, 2024).

Kajian ekokritik terhadap karya Ka'ab bin Malik membolehkan kita memahami bahawa alam berfungsi sebagai latar aktif yang menggambarkan suasana peperangan serta memainkan peranan penting dalam membentuk identiti, semangat perjuangan, dan keimanan umat Islam.

Unsur-unsur alam dalam puisinya berinteraksi secara dinamik dengan pengalaman manusia, mencerminkan cabaran yang dihadapi oleh tentera Islam serta ketabahan mereka dalam menghadapi kesukaran. Selain itu, alam turut menjadi elemen yang memperkukuh naratif jihad, di mana setiap unsur seperti gunung, padang pasir, laut, dan telaga membawa makna tersendiri yang melambangkan kekuatan, ketahanan, ujian keimanan, serta keberkatan dalam perjuangan. Dengan itu, puisi Ka'ab bin Malik berperanan sebagai dokumen sejarah yang memperlihatkan bagaimana interaksi antara manusia dan alam membentuk daya juang serta keteguhan spiritual umat Islam di medan perang.

Laut

Puisi Ka'ab bin Malik menggunakan laut sebagai simbol kekacauan dan ketidakpastian, terutamanya dalam peperangan. Laut dikaitkan dengan sesuatu yang luas, tidak dapat diramal, dan berbahaya, menjadikannya gambaran yang sesuai untuk perang yang penuh risiko dan ketidaktentuan (Larsen, 2012). Seperti laut yang boleh menjadi tenang tetapi tiba-tiba bergelora, peperangan juga boleh berubah tanpa diduga (Gregory, 2016). Oleh itu, laut dalam puisinya merupakan metafora kepada kesukaran yang dihadapi oleh tentera Islam ketika berdepan dengan musuh yang lebih besar. Hal ini dapat dilihat dalam puisi Ka'ab bin Malik ketika perang Uhud (al-Ani, 1997: 225):

فَجِئْنَا إِلَى هَوَاجٍ مِنَ الْبَحْرِ وَسَطُهُ أَحَابِيثُ مِنْهُمْ حَاسِرٌ وَمَقْتَعٌ

Kami tiba di pusaran laut yang di tengahnya terdapat pasukan Ahabeesh,
ada yang tanpa perlindungan dan ada yang bersenjata

ثَلَاثَةُ آلَافٍ وَنَحْنُ نَصِيئَةٌ ثَلَاثُ مِائِينَ إِنْ كَثُرْنَا وَأَرْبَعٌ

Mereka tiga ribu, sedangkan kami hanya sekumpulan kecil,
tiga ratus lebih sedikit, jika dihitung bersama

Dalam puisi Ka'ab bin Malik, laut merupakan unsur alam yang melambangkan kekacauan dan ketidaktentuan dalam peperangan. Baris *فَجِئْنَا إِلَى هَوَاجٍ مِنَ الْبَحْرِ وَسَطُهُ* menggambarkan peperangan sebagai pusaran laut yang ganas, dengan tentera Islam menghadapi musuh di tengah gelombang peperangan yang sukar dikawal. Laut dalam konteks ini melambangkan medan perang yang tidak stabil, mencerminkan bagaimana tentera Muslim berhadapan dengan situasi yang penuh bahaya dan perubahan mendadak, seperti keadaan laut yang boleh bertukar dari tenang menjadi bergelora dalam sekelip mata. Selain itu, gambaran musuh sebagai *أَحَابِيثُ مِنْهُمْ حَاسِرٌ وَمَقْتَعٌ* menunjukkan mereka berada dalam keadaan bersedia dan lengkap bersenjata, seolah-olah arus laut yang kuat sedang menanti untuk menenggelamkan pihak yang lemah. Ini berbeza dengan tentera Islam yang jumlahnya lebih kecil, sebagaimana dinyatakan dalam *ثَلَاثَةُ آلَافٍ وَنَحْنُ نَصِيئَةٌ*, menekankan jurang kekuatan antara kedua-dua pihak. Melalui analogi ini, laut bukan hanya menjadi latar tetapi juga metafora kepada keagungan kuasa musuh, sama seperti lautan luas yang menelan segala yang kecil di dalamnya.

Dari sudut ekokritik, gambaran laut dalam puisi ini menunjukkan hubungan manusia dengan alam sebagai satu cabaran yang berterusan. Tentera Muslim digambarkan seolah-olah berada dalam pergelutan dengan unsur semula jadi yang lebih besar daripada mereka,

menjadikan laut sebagai simbol dominasi dan cabaran yang tidak boleh dikawal sepenuhnya. Justeru, puisi ini bukan sahaja merakamkan sejarah peperangan tetapi juga mencerminkan perjuangan manusia dalam menghadapi kehebatan alam yang tidak terjangkau, satu elemen penting dalam analisis ekokritik yang meneliti hubungan manusia dengan persekitarannya.

Gunung

Dalam sastera Islam, gunung melambangkan cabaran yang perlu ditempuhi oleh tentera Muslim, mencerminkan daya tahan dan kecekalan mereka dalam menghadapi musuh. Selain menjadi medan pertempuran yang mencabar secara fizikal, gunung juga menjadi tempat perlindungan bagi tentera Islam, sekali gus memerlukan ketahanan fizikal dan strategi ketenteraan yang berkesan. Menurut Bernbaum (2022), gunung bukan hanya latar alam tetapi turut mencerminkan keunggulan moral dan kerohanian umat Islam dalam perjuangan mereka. Dalam puisi Ka'ab bin Malik, semasa berlakunya perang Uhud musuh digambarkan berusaha melarikan diri ke kawasan pergunungan untuk menyelamatkan diri (al-Ani, 1997):

تَلَهَّفُ أُمُّ الْمُسْبِحِينَ عَلَى جَيْشِ ابْنِ حَرْبٍ بِالْحَرَّةِ الْفَشِيلِ
Ibu mereka yang tenggelam dalam darah meratapi
pasukan Ibn Harb yang binasa di medan berbatu
إِذْ يُطْرَحُونَ مِنْ سَنَمِ الطَّيْرِ تَرْقَى لِقْنَةُ الْجَبَلِ
Ketika mereka menghumban dari puncak tinggi,
mereka pun memanjat ke puncak gunung

Ungkapan بِالْحَرَّةِ الْفَشِيلِ menggambarkan keadaan musuh yang mengalami kekalahan di medan berbatu, sehingga mereka tidak lagi mampu bertahan dalam pertempuran. Perkataan الْحَرَّة merujuk kepada kawasan berbatu hitam yang keras, sering dikaitkan dengan medan yang sukar dan tidak sesuai untuk pergerakan pantas. Keadaan ini melambangkan kesukaran yang dihadapi oleh tentera Quraisy, di mana mereka bukan sahaja berhadapan dengan serangan tentera Islam tetapi juga dengan rintangan semula jadi yang menyukarkan pergerakan mereka. Sementara itu, perkataan الْفَشِيلِ membawa maksud kelemahan, kegagalan, atau kekecewaan. Ini menunjukkan bahawa musuh bukan sahaja tewas secara fizikal, tetapi juga mengalami kejatuhan moral dan kehilangan semangat juang. Dalam peperangan, apabila pasukan sudah kehilangan keyakinan, mereka tidak lagi mampu bertahan dan terpaksa mencari jalan untuk menyelamatkan diri. Oleh kerana medan *al-harrah* yang berbatu menjadi semakin sukar bagi mereka, pilihan terakhir mereka adalah melarikan diri ke gunung, yang dianggap sebagai tempat perlindungan semula jadi. Namun, seperti yang dijelaskan dalam puisi, gunung yang sepatutnya menjadi perlindungan berubah menjadi perangkap, memperlahankan pergerakan mereka dan menjadikan mereka sasaran mudah bagi tentera Islam yang mengejar.

Manakala dalam ungkapan إِذْ يُطْرَحُونَ مِنْ سَنَمِ الطَّيْرِ menggambarkan keadaan musuh yang dalam kepanikan dan terdesak melarikan diri ke gunung setelah mereka dihancurkan di medan perang. Ungkapan سَنَمِ الطَّيْرِ merujuk kepada kawasan berbukit atau laluan berbatu yang sukar didaki, yang menggambarkan kesulitan musuh ketika berundur. Dalam

keadaan panik dan terdesak, tentera Quraisy terpaksa membuang barang-barang mereka untuk meringankan beban, demi mempercepatkan pendakian ke puncak gunung. Sementara itu, perkataan قُتَّةِ الْجَبَل merujuk kepada puncak tertinggi gunung, yang melambangkan usaha terakhir mereka mencari perlindungan daripada dikejar oleh tentera Islam.

Dalam konteks peperangan, puncak gunung sering dianggap sebagai tempat strategik yang memberikan perlindungan semula jadi. Namun, bagi tentera Quraisy yang sedang berundur, gunung bukan lagi benteng keselamatan, tetapi perangkap yang memperlambatkan pergerakan mereka. Semakin tinggi mereka mendaki, semakin terdedah mereka kepada serangan tentera Islam, menjadikan gunung sebagai penghalang yang menggagalkan usaha mereka untuk melarikan diri. Dari perspektif ekokritik, petikan ini menunjukkan bagaimana unsur alam menjadi penentu dalam perang, di mana medan yang curam dan berbatu menghalang pergerakan musuh, menjadikan alam sebagai sekutu kepada tentera Islam. Ini juga menegaskan bahawa keupayaan menyesuaikan diri dengan alam sekitar merupakan faktor utama dalam kejayaan atau kegagalan dalam peperangan.

Peranan strategik gunung dalam peperangan Islam dapat dilihat dalam banyak peristiwa sejarah, termasuk Perang Uhud ini, di mana Rasulullah SAW menempatkan para pemanah di Bukit Rumat bagi mengawal laluan strategik tentera Islam. Kedudukan tinggi ini memberikan kelebihan taktikal, membolehkan pasukan Islam menyerang musuh dari atas dan menghalang mereka daripada mengepung tentera Muslim (Khan & Hussain, 2024). Langkah ini mencerminkan pemahaman Rasulullah SAW tentang kepentingan medan dalam peperangan, di mana penguasaan terhadap kawasan berbukit boleh menentukan hala tuju pertempuran (Rodgers, 2012). Kawalan ke atas kedudukan strategik ini membolehkan tentera Islam menghadapi musuh dengan lebih berkesan, menjadikan mereka lebih sukar untuk dikalahkan.

Dalam puisi Ka'ab bin Malik, gunung yang sepatutnya menjadi tempat perlindungan berubah menjadi simbol kelemahan dan keputusasaan tentera Quraisy. Mereka mendakinya bukan untuk mendapatkan kedudukan strategik, tetapi kerana terdesak melarikan diri daripada kekalahan yang tidak dapat dielakkan. Keadaan ini menegaskan bahawa penguasaan terhadap medan perang merupakan elemen penting dalam menentukan kejayaan sesuatu pasukan. Gunung, jika dimanfaatkan dengan bijak, boleh menjadi benteng pertahanan yang teguh, sebagaimana yang terbukti dalam Perang Uhud, dengan Rasulullah SAW menggunakan Bukit Rumat bagi mengawal laluan musuh. Namun, bagi pihak yang tidak bersedia, medan berbukit boleh menjadi perangkap yang memperlambatkan pergerakan dan mendedahkan mereka kepada serangan musuh. Ketidakmampuan menyesuaikan diri dengan landskap menjadikan mereka lebih mudah ditewaskan, sebagaimana yang berlaku kepada tentera Quraisy dalam puisi ini. Oleh itu, gunung bukan sekadar latar dalam peperangan, tetapi berperanan sebagai faktor penentu dalam strategi ketenteraan. Keupayaan memahami dan memanfaatkan persekitaran boleh memberi kelebihan ketara kepada pihak yang bertempur, manakala kegagalan menguasai medan hanya membawa kepada kehancuran.

Telaga

Unsur air dalam puisi Ka'ab bin Malik memainkan peranan penting sebagai elemen yang menyokong kelangsungan hidup tentera Islam dalam peperangan, sekaligus menjadi simbol

kemenangan dan keberkatan ilahi. Dalam konteks ekokritik, air menggambarkan hubungan yang mendalam antara manusia dan alam semula jadi, di mana kawalan terhadap sumber air menjadi faktor penentu dalam strategi ketenteraan. Keberadaan air memberi kelegaan dan keseimbangan ekologi, yang sangat penting untuk memastikan keberhasilan dalam peperangan. Dalam perang Badar, lokasi yang dipilih berhampiran telaga Badar memberikan tentera Islam kelebihan strategik kerana mereka dapat menguasai sumber air yang sangat berharga dalam persekitaran padang pasir. Kawalan terhadap sumber air ini menjadi kelebihan taktikal yang memberi manfaat besar dalam menghadapi cabaran perang (Martin, 2012). Air sebagai sumber kehidupan, memainkan peranan besar dalam mempengaruhi perjalanan jihad mereka dan memberi kekuatan dalam menghadapi segala ujian. Menurut Martin (2012), pemilihan medan perang berhampiran telaga ini menunjukkan keutamaan strategik untuk memastikan kawalan terhadap air, yang menjadi faktor kritikal dalam menentukan kejayaan dalam pertempuran di kawasan yang kering dan tandus. Elemen alam seperti air, dalam hal ini, menyokong keberhasilan ketenteraan dan memperkuat hubungan simbiotik antara manusia dan alam yang memberi bekalan untuk kelangsungan hidup dan kemenangan.

Dalam puisi Ka'ab bin Malik, istilah النواضح merujuk kepada kawasan subur yang kaya dengan sumber air, yang menyokong pertanian dan kehidupan manusia serta menjadi lokasi strategik dalam peperangan. Istilah ini menekankan kepentingan sumber semula jadi dalam memastikan kelangsungan hidup dan daya tahan tentera Islam. Dalam puisinya mengenai Perang Khandaq, beliau menyebut:

نَوَاضِحُ فِي الْحُرُوبِ مُدْرِبَاتٌ وَخُوصٌ ثَقِيْبٌ مِنْ عَهْدِ عَادٍ

Tanah yang subur dalam peperangan adalah yang terlatih,
dan telaga-telaga yang telah digali sejak zaman kaum 'Ad

Dalam konteks ini, نَوَاضِحُ merujuk kepada tanah yang subur dengan sumber air yang melimpah, memainkan peranan penting dalam perancangan ketenteraan. Sumber air dalam peperangan memberikan kelebihan strategik dan berfungsi sebagai simbol keteguhan serta kesinambungan sejarah, seperti yang digambarkan dalam frasa وَخُوصٌ ثَقِيْبٌ مِنْ عَهْدِ عَادٍ, yang merujuk kepada telaga kuno yang masih digunakan sebagai sumber kehidupan dalam perjuangan Islam. Elemen ini selari dengan konsep penguasaan manusia terhadap sumber semula jadi, yang menggambarkan kuasa dan keseimbangan ekologi, yang sering diketengahkan dalam kajian ekokritik moden (Niazi, 2024):

رَوَاكِدُ يَزْخَرُ الْمُرَارُ فِيهَا فَلَيْسَتْ بِالْجِمَامِ وَلَا الْيَمَادِ

Air yang bertakung dipenuhi dengan kebaikan,
tidak seperti tempat penyimpanan air atau bekas yang kering

Manakala dalam rangkap رَوَاكِدُ يَزْخَرُ الْمُرَارُ فِيهَا فَلَيْسَتْ بِالْجِمَامِ وَلَا الْيَمَادِ merujuk kepada air yang bertakung, menggambarkan kawasan yang menyediakan kelegaan dan pemulihan bagi tentera Islam setelah pertempuran yang melelahkan. Frasa يَزْخَرُ الْمُرَارُ فِيهَا menonjolkan peranan penting kawasan yang kaya dengan air, yang menyokong kehidupan tumbuhan dan memberi manfaat kepada ekosistem secara keseluruhan. Keadaan ini mencerminkan hubungan seimbang

antara manusia dan alam, di mana alam bukan hanya memenuhi keperluan fizikal tetapi juga menyumbang kepada pemulihan dan kesejahteraan (Harsono, 2008).

Konsep ini sejajar dengan pemikiran Muhammad Haji Salleh dalam puisinya yang menggariskan interaksi simbiotik antara manusia dan alam serta kebergantungan manusia terhadap sumber semula jadi untuk kelangsungan hidup. Dalam kajian *Ecocritical Reading of Land and Landscape in Muhammad Haji Salleh's Rowing Down Two Rivers: An Eco-Consciousness Approach* (Hamid & Mohsen, 2024), mereka menekankan pentingnya menghargai alam dalam membentuk identiti dan kelestarian hidup manusia. Dari perspektif ekokritik, air dalam puisi Ka'ab bin Malik tidak hanya memenuhi keperluan fizikal tentera Islam, tetapi juga berfungsi sebagai manifestasi rahmat Allah SWT yang memberikan perlindungan, kekuatan, dan peluang untuk bertahan dalam peperangan. Perbandingan antara النواضح (kawasan subur dengan sumber air) dan الجمام ولا الثماد (tanah gersang dan tidak subur) menekankan peranan penting sumber alam dalam menentukan kejayaan dalam peperangan. Alam yang subur menyediakan kelebihan strategik, memberi peluang kepada tentera Islam untuk terus berjuang dengan kekuatan yang diperbaharui.

Padang Pasir

Padang Pasir telah lama menjadi simbol penting dalam kesusasteraan Arab. Dalam puisi pra-Islam, padang pasir sering digambarkan sebagai tempat yang mencabar, mewakili perjuangan hidup dan ketahanan manusia. Kehidupan yang penuh kesulitan di padang pasir menggambarkan kekuatan dan kecekalan suku Badwi (Elsayed, 2024). Alam sekitar padang pasir dalam kesusasteraan tidak hanya mencerminkan cabaran fizikal, tetapi juga makna simboliknya dalam membentuk daya tahan dan keperibadian individu. Sebagai contoh, dalam novel *Wahat al-Ghurub* oleh Bahaa Taher, Padang pasir berfungsi sebagai ruang refleksi dan transformasi diri, di mana watak-watak menghadapi keadaan ekstrem yang memaksa mereka mengembangkan strategi kelangsungan hidup yang unik sama ada melalui penyesuaian teknologi, kebijaksanaan tradisional, atau ikatan sosial yang kukuh (Nirmala & Surur, 2023).

Begitu juga dalam puisi perang Ka'ab bin Malik, padang pasir bukan sekadar latar fizikal peperangan, tetapi juga sebagai elemen alam yang berinteraksi secara dinamik dengan manusia dan peristiwa sejarah. Dalam syair-syair Ka'ab bin Malik, padang pasir menggambarkan ujian ketabahan, keimanan, dan kekuatan dalam menghadapi cabaran hidup, terutama ketika berhadapan dengan peperangan. Padang pasir, dengan kesukaran dan keterasingannya, menjadi medan yang mencerminkan perjuangan rohani dan jasmani yang dilalui oleh para pejuang Islam, menguji keberanian mereka tidak hanya di medan perang, tetapi juga dalam perjalanan rohani yang menuntut ketahanan jiwa. Ka'ab bin Malik dalam perang Uhud menyatakan:

صَحَارٍ وَأَعْلَامٌ كَأَنَّ قَتَامَهَا مِنْ الْبُعْدِ نَفْعُ هَامِدٍ مُتَقَطِّعٍ

Padang pasir luas dan penanda yang menjulang, seakan-akan
debunya dari kejauhan adalah debu yang tenang dan terputus-putus

Frasa ini menggambarkan padang pasir yang luas serta medan perang yang dipenuhi debu dan tanah kering, seolah-olah tiada kehidupan. Perkataan صَحَارٍ merujuk kepada padang pasir yang luas, sementara أَعْلَامٌ menggambarkan penanda semula jadi, seperti batu dan bukit yang menjadi penunjuk arah di tengah-tengah padang pasir. Medan perang seperti ini, yang dipenuhi dengan pasir yang kering dan batu yang tajam, menjadi sebahagian daripada cabaran peperangan itu sendiri. Padang pasir bukan sekadar tempat peperangan berlangsung, tetapi turut membentuk pengalaman pertempuran, dengan alam semula jadi turut memainkan peranan dalam menguji ketahanan fizikal dan mental para pejuang.

Frasa كَأَنَّ قَتَامَهَا مِنَ الْبُعْدِ نَفْعٌ هَامِدٌ مُتَقَطِّعٌ menggambarkan debu yang berterbangan akibat hentakan kuda dan langkah para pejuang yang bergerak dengan pantas di atas permukaan yang keras. نَفْعٌ merujuk kepada debu yang terangkat oleh pergerakan kuda dan pejuang yang berlari, mencipta suasana yang penuh dengan kerumitan dan kesulitan. Debu yang berterbangan ini bukan sahaja menggambarkan kekacauan peperangan, tetapi juga bagaimana unsur alam bertindak balas terhadap pergerakan manusia, memberikan visual yang menggambarkan kesukaran dan keterasingan medan perang itu. Debu yang mengelilingi para pejuang menjadikan medan perang lebih mencabar, memperburuk keadaan dan menambahkan unsur ketegangan yang dihadapi oleh mereka.

Selain itu, هَامِدٌ menggambarkan tanah kering yang tidak subur dan tidak memberikan sebarang kemudahan kepada para pejuang, memperlihatkan betapa kerasnya alam yang mereka hadapi. Alam semula jadi, dalam hal ini, bukan hanya menjadi latar untuk peperangan, tetapi berfungsi sebagai elemen yang hidup, berinteraksi secara aktif dengan peristiwa yang berlaku. Debu yang berterbangan menggambarkan bagaimana alam semula jadi turut berperanan dalam mencorakkan suasana peperangan, dan menjadi sebahagian daripada perjuangan itu sendiri, bukan hanya dalam konteks fizikal tetapi juga dalam keadaan rohani yang dihadapi oleh pejuang.

Dari perspektif ekokritik, syair ini menyoroti hubungan dinamik antara manusia dan alam, di mana alam bukan sekadar latar pasif, tetapi turut berperanan aktif dalam pengalaman manusia. Debu yang berterbangan akibat pergerakan kuda dan pejuang melambangkan kekacauan dan kekerasan peperangan, di mana alam bertindak balas terhadap peristiwa yang berlaku, mempengaruhi pengalaman para pejuang. Alam, dengan debu yang berterbangan, menggambarkan bagaimana keterikatan manusia dengan alam bukan sahaja dilihat dari segi sumber daya yang diperlukan, tetapi juga bagaimana alam berperanan dalam membentuk perjuangan, ketahanan, dan semangat pejuang itu sendiri.

Kesimpulan

Kajian ini telah meneliti dimensi ekokritik dalam puisi perang Ka'ab bin Malik dengan menumpukan kepada peranan unsur alam seperti padang pasir, gunung, laut, dan air, yang bukan sekadar berfungsi sebagai latar geografi, tetapi juga sebagai elemen strategik dan simbolik dalam menggambarkan perjuangan, ketahanan, dan spiritualiti dalam jihad Islam. Melalui pendekatan ekokritik yang diasaskan oleh Cheryl Glotfelty dan Lawrence Buell serta analisis semiotik, kajian ini mendapati bahawa alam dalam puisi Ka'ab bin Malik bukan sekadar hiasan sastera tetapi juga memiliki makna yang lebih mendalam sebagai alat untuk

menyampaikan nilai-nilai perjuangan dan keimanan.

Penelitian ini memperlihatkan bagaimana unsur alam dalam puisi perang bukan sahaja merakam cabaran fizikal yang dihadapi oleh tentera Islam, tetapi juga berfungsi sebagai medium ekspresi emosi dan pengalaman spiritual mereka. Padang pasir, misalnya, bukan sekadar medan yang sukar dilalui, tetapi menjadi simbol ujian keimanan dan kesabaran, manakala gunung bukan sekadar benteng pertahanan tetapi melambangkan keteguhan hati dan keimanan yang tidak tergoyahkan. Laut pula mencerminkan cabaran besar yang tidak dapat diramal dalam peperangan, sementara telaga dan sumber air menjadi lambang keberkatan serta kelangsungan perjuangan Islam.

Kajian ini mendapati bahawa unsur-unsur alam yang digambarkan dalam puisi Ka'ab bin Malik bukan sahaja memperkayakan naratif peperangan tetapi juga membuktikan bahawa hubungan manusia dengan alam tidak dapat dipisahkan daripada perjuangan mereka. Alam bukan sekadar latar pasif yang menjadi saksi kepada sejarah, tetapi juga memainkan peranan aktif dalam membentuk strategi peperangan, ketahanan tentera, dan simbolisme kemenangan. Pandangan ini sejajar dengan konsep ekokritik moden yang melihat sastera bukan sahaja sebagai refleksi pengalaman manusia tetapi juga sebagai cerminan interaksi antara manusia dan persekitaran mereka.

Selain itu, kajian ini turut menunjukkan bahawa puisi Ka'ab bin Malik boleh dianggap sebagai satu bentuk dokumentasi sejarah yang merakamkan peristiwa-peristiwa penting dalam perkembangan Islam, bukan hanya dari perspektif ketenteraan tetapi juga dari sudut ekologi. Pemilihan imej-imej alam dalam puisinya menunjukkan bagaimana para pejuang Islam menyesuaikan diri dengan persekitaran, memahami medan perang, dan menggunakan unsur-unsur alam untuk kelebihan strategi mereka. Ini membuktikan bahawa pemahaman terhadap geografi dan persekitaran merupakan aspek penting dalam sejarah ketenteraan Islam dan harus diberi perhatian dalam kajian sastera perang Islam. Dengan mengaplikasikan pendekatan ekokritik terhadap puisi perang Ka'ab bin Malik, kajian ini telah membuka ruang baharu dalam pemahaman sastera Islam dengan menghubungkannya kepada kajian ekologi dan geografi. Analisis ini membuktikan bahawa puisi bukan sekadar karya seni yang menggambarkan peristiwa sejarah, tetapi juga menjadi wadah untuk memahami hubungan kompleks antara manusia, alam, dan kepercayaan. Kajian ini juga memberikan sumbangan kepada bidang sastera Arab klasik dengan menunjukkan bahawa elemen-elemen alam dalam teks puisi bukan sahaja bersifat estetika, tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk wacana perjuangan, ketahanan, dan keimanan.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan puisi Ka'ab bin Malik bukan sekadar sebuah catatan sejarah atau ekspresi emosi, tetapi juga sebuah dokumen ekologi yang menghubungkan pengalaman peperangan dengan kefahaman mendalam terhadap persekitaran semula jadi. Ini menunjukkan bahawa kajian ekokritik dalam sastera Islam boleh menjadi alat penting untuk menilai bagaimana unsur alam bukan sahaja dipersepsikan dalam konteks sejarah, tetapi juga dalam kerangka pengalaman manusia yang lebih luas. Dengan itu, diharapkan kajian ini dapat membuka ruang bagi penyelidikan lanjut dalam bidang ekokritik sastera Islam serta memberi inspirasi kepada kajian-kajian seterusnya yang meneliti hubungan antara sastera, sejarah, dan alam sekitar dalam konteks yang lebih luas.

Rujukan

- Ahmed, H.Y. & Hashim, R.S. 2021. An ecocritical reading of selected poems of Muhammad Haji Salleh. *GEMA Online Journal of Language Studies* 25(1): 1-17.
- al-Ani, Sami Maki. 1997. *Diwan Ka'ab bin Malik al-Ansari: Dirasah wa Tahqiq*. Ed. Kedua. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Ali, R., Ali, M., & Haider, I. 2024. An eco-stylistic analysis of Agha Shahid Ali's *I See Kashmir from New Dehli at Midnight*. *Global Regional Review* IX(II): 142-148.
- al-Jarim, Ahmad. t.th. *Sha'ir al-Islam: Ka'ab bin Malik*. al-Qahirah: Maktabat al-Adab.
- al-Jumahi, Muhammad bin Sallam. 1952. *Tabaqat Fuhul al-Shu'ara'*. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Bernbaum, E. 2022. *Sacred Mountains of the World*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Bogdan, R. & Biklen, S. 1992. *Qualitative Research for Education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Buell, L. 2005. *The Future of Environmental Criticism: Environmental Crisis and Literary Imagination*. Cambridge: Blackwell.
- Elsayed, H. 2024. The desert, poetry and Ibn 'Arabi. *British Journal of Middle Eastern Studies* 1-13. <https://doi.org/10.1080/13530194.2024.2423720>
- Fatoni, A.S. & Umar, N. 2024. Umru' al-Qais and his literary works: Study of Arabic writer thought. *Tanwir Arabiyyah* 4(2): 233-244.
- Garrard, G. 2012. *Ecocriticism*. New York: Routledge.
- Glotfelty, C. 1996. *The Ecocriticism Reader: Landmarks in Literary Ecology*. Athens, Georgia: University of Georgia Press.
- Gregory, D. 2016. The natures of war. *Antipode: A Radical Journal of Geography* 48(1): 3-56.
- Hamid, N.H.A. & Mohsen, H.Y.A. 2024. Ecocritical reading of land and landscape in Muhammad Haji Salleh's *Rowing Down Two Rivers*: An eco-consciousness approach. *EDUCATUM Journal of Social Sciences* 10(1): 16-25.
- Harsono, S. 2008. Ekokritik: Kritik sastra berwawasan lingkungan. *Kajian Sastra: Jurnal Bidang Kebahasaan dan Kesusastraan* 32(1): 31-50.
- Ibn al-Athir, Abu al-Hasan 'Aziz al-Din. t.th. *Usd al-Ghabah fi Ma'rifat al-Sahabaj*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub.
- Ibn Hisham, 'Abd al-Malik. 1990. *Sirah Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Islamiah, K.T. & Saryono, D. 2023. Representasi alam dalam novel Aroma Karsa karya Dewi Lestari: Kajian ekokritik sastra Greg Garrard. *JoLLA: Journal of Language, Literature, and Arts* 3(10): 1450-1461.
- Khan, H.M.A. & Hussain, A. 2024. Prophet Muhammad (PBUH) as a military strategist: Lessons for modern warfare. *The Scholar Islamic Academic Research Journal* 10 (1): 120-130.
- Khomisah. 2020. Ekokritik dalam perkembangan kajian sastra. *Al-Tsaqafa: Jurnal Ilmiah Peradaban Islam* 17(1): 83-94.
- Larsen, S.E. 2012. Sea, identity and literature. *Anuario de Literatura Comparada* 2: 171-188.

- Martin, J.K. 2012. Islam's first arrow: The Battle of Badr as a decisive battle in Islamic history and its significance today. Tesis Sarjana. School of Advanced Air and Space Studies, Air University, Maxwell Air Force Base, Alabama.
- Miles, M.B., Huberman, A.M. & Saldana, J. 2014. *Qualitative Data Analysis*. California: Sage Publications.
- Niazi, N. 2024. An eco-critical approach to Hemingway's *A Farewell to Arms*: A study of culture-nature nature dichotomy. *Folia Linguistica et Litteraria* 49: 75-88.
- Nirmala, B.N. & Surur, M. 2023. Kehidupan survival masyarakat padang pasir dalam novel *Wahat al-Ghurub* karya Baha Taher (perspektif ekokritik Greg Garrard). *Suluk : Jurnal Bahasa, Sastra, dan Budaya* 5(2): 223-240.
- Rodgers, R. 2012. *The Generalship of Muhammad: Battles and Campaigns of the Prophet of Allah*. Florida: University Press of Florida.
- Sugiyono. 2014. *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R & D*. Bandung: Alfabeta.
- Zulfa, A.N. 2021. Teori ekokritik sastra: Kajian terhadap kemunculan pendekatan ekologi sastra. *Lakon: Jurnal Kajian Sastra dan Budaya* 10(1): 59-63.